

# Program IPMB capai matlamat

um 16/6/2011 30

SEMPORNA 15 Jun - Tahukah anda bahawa penyu yang terdedah kepada cahaya akan lebih cepat membesar berbanding penyu yang kurang mendapat pendedahan kepada sumber tenaga itu.

Penyu juga merupakan spesies yang mengutamakan kebersihan dan seboleh mungkin berenang mencari kawasan dipenuhi anak



**RIDZWAN  
ABDUL RAHMAN**


ikan dan membiarkan anak-anak ikan berkenaan mematak badannya dengan tujuan untuk memberiskannya daripada lumut dan parasit.

Ia sebahagian daripada maklumat baru hasil penyelidikan

dan pemuliharaan penyu yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengarah IPMB UMS, Prof. Dr. Ridzwan Abdul Rahman berkata, melalui kajian yang dilakukan terhadap empat ekor penyu sisik yang dipelihara di IPMB telah dapat memberi banyak maklumat mengenai rahsia kehidupan penyu.

Katanya, kajian dan penyelidikan itu juga telah dapat menemukan



**SEBAHAGIAN** peserta yang menayakan program Returning to Paradise oleh UMS di Pulau Sipadan, Semporna, Sabah, baru-baru ini.

banyak pengetahuan baru termasuk sifat-sifat penyu yang agak pelik dan jarang diketahui umum sebelum ini.

"Antaranya, kita tahu empat penyu sisik berkenaan walaupun semua menetap pada hari yang sama tetapi ada yang besar dan ada yang kurang besar.

"Jadi kita dapati yang berada dekat dengan pintu adalah lebih cepat membesar berbanding yang jauh dengan pintu yang ada pengaruh cahaya," katanya ketika ditemui, di sini baru-baru ini.

Tambahnya, selain itu, pihaknya juga mendapati penyu turut mengutamakan kebersihan yang mana

haiwan itu turut mencari kawasan yang dipenuhi anak ikan bagi membersihkan badannya.

Katanya, masyarakat seringkali menyalahkan penyelam skuba kerana merosakkan terumbu karang, sebaliknya, beliau berkata, haiwan seperti penyu juga melakukan perkara sama.

Menurut Ridzwan, pelbagai pe-

nemuan baru telah berjaya dicatatkan dalam program pemuliharaan penyu melibatkan empat ekor penyu sisik berkenaan.

Katanya, pihaknya telah mencatat sebarang tingkah laku dan perubahan penyu berkenaan dari hari ia menetap sehinggalah dilepaskan pada hari ini.